

(16 November 2020) Sinar, p. 10

# 1,208 kes baharu, tiga kematian

1,013 kes pulih dicatat menjadikan jumlah kumulatif adalah sebanyak 34,785 kes

**KUALA LUMPUR**

**K**es positif koronavirus (Covid-19) di Malaysia terus mencatatkan angka empat digit dengan 1,208 lagi kes baharu direkodkan semalam selain tiga lagi kematian dicatat dan tiga kluster baharu dikenal pasti.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dalam

satu kenyataan memaklumkan, daripada jumlah itu, negeri dan Wilayah Persekutuan di Lembah Klang menyumbang kes positif tertinggi iaitu 661 kes manakala 381 kes direkodkan di negeri Sabah.

“Daripada 1,208 kes baharu pada hari ini (semalam), Kuala Lumpur melaporkan enam kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara. Kesemua kes import tersebut melibatkan bukan warganegara yang tiba dari negara Indonesia, Bangladesh dan Nepal (masing-masing satu kes) dan India sebanyak tiga kes,” katanya.

Dr Noor Hisham berkata, Malaysia turut mencatatkan sebanyak 1,013



DR NOOR HISHAM

kes pulih semalam sekaligus menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya daripada Covid-19 adalah 34,785 kes atau 73.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Beliau berkata, perkembangan terbaharu itu menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak

Tiga kluster dikesan di Sabah, Johor

**KUALA LUMPUR** - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semalam mengesan tiga lagi kluster baharu Covid-19 melibatkan dua di Sabah dan satu di Johor, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, di Sabah, Kluster Plaza di Kota Kinabalu yang membabitkan kes (ke-42,299) dikenal pasti positif Covid-19 hasil saringan individu bergejala pada 11 November dan dimasukkan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah, Institut Kemahiran Mara, Kota Kinabalu.

Beliau berkata, hasil saringan

kontak rapat telah mengesan 11 lagi kes positif Covid-19.

“Kluster kedua di Sabah iaitu Kluster Jalan Kalabakan dikesan di Tawau melibatkan kes indeks (ke-31,309) yang dikenal pasti positif hasil saringan individu bergejala pada 31 Oktober dan dimasukkan ke Hospital Tawau,” katanya semalam.


Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, di Johor, Kluster Jeri dikesan di Kota Tinggi, Mersing dan Muar membabitkan kes indeks yang dikenal pasti positif Covid-19 hasil saringan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA), Singapura pada 6 November. - *Bernama*

47,417 kes manakala jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan Covid-19 pula adalah sebanyak

12,323 kes. Menurutnya, jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 pula adalah se-

banyak 309 kes atau 0.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes. - *Bernama*

**SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM**



\*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 15 November 2020